

**MARDIANA** Nordin

Universiti Malaya

**PENGUKUHAN KUASA MELAYU: PERKEMBANGAN POLITIK  
DAN PENTADBIRAN KESULTANAN JOHOR  
SEHINGGA ABAD KE-18**

***STRENGTHENING MALAY POWER: THE POLITICAL AND  
ADMINISTRATIVE DEVELOPMENTS OF THE JOHOR SULTANATE  
UNTIL 18TH CENTURY***

*Kesultanan Johor muncul pada awal abad ke-16 sebagai kesinambungan Kesultanan Melayu Melaka. Makalah ini bertujuan untuk meneliti pengukuhan kuasa kesultanan Johor sejak awal pengasasannya sehingga melewati era baru dalam politik dan pentadbiran pada abad ke-18. Kesultanan Johor merupakan salah sebuah kuasa yang berkembang di alam Melayu. Bagi masyarakat Melayu, persekitaran kuasa, tumpuan kuasa dan kuatkuasa mereka adalah istana. Kuasa tersebut meliputi aspek politik dan pentadbiran termasuk juga sosio-ekonomi. Justeru, objektif penulisan makalah ini adalah untuk membincangkan sejauhmanakah institusi kesultanan Johor dapat bertahan sejak tahun 1528 sehingga abad ke-18 (malahan hingga kini). Selain itu menjelaskan kepentingan kedudukan ‘sultan’ sebagai tonggak kuasa Melayu. Objektif terakhir untuk menilai bagaimanakah kesultanan Johor boleh menjadi sebuah kuasa Melayu yang berpengaruh dalam kalangan kuasa serantau dan kuasa asing berabad-abad lamanya. Penulisan ini mengaplikasikan kajian kualitatif yang berasaskan disiplin sejarah. Sehubungan itu kajian perpustakaan digunakan untuk memanfaatkan sebaik mungkin naskhah Melayu dan penulisan-penulisan sekunder yang terbukti berautoriti bagi setiap aspek yang dikaji penulis. Hasil kajian mendapati, secara keseluruhan perkembangan politik dan pentadbiran Kerajaan Johor dalam tempoh tersebut mengalami situasi turun dan naiknya. Walau bagaimanapun, institusi kesultanan Johor tersebut tetap bertahan sebagai simbol kuasa Melayu sejak tahun 1528 sehingga abad ke-18. Kedudukan ‘sultan’ masih kekal sebagai tonggak kuasa Melayu walaupun mengalami beberapa kali konflik ketakhtaan dan berubah dinasti. Selanjutnya, kesultanan Johor masih tetap menjadi antara kuasa yang berpengaruh di alam Melayu sehingga abad ke-18 walaupun menghadapi persaingan dengan Aceh, Jambi, Portugis, Belanda dan beberapa pihak yang lain. Hal ini terbukti dengan sistem politik dan pentadbiran yang tersusun serta hubungan diplomatik yang terancang.*

**Kata kunci:** *kesultanan Johor, kuasa, pusat pentadbiran, politik dan pentadbiran.*

*The Johor Sultanate emerged in the 16<sup>th</sup> century as the heir of the Malay Sultanate of Melaka. This paper examines the consolidation of Johor's authority from its founding up to the new era of politics and administration in the 18<sup>th</sup> century. The Johor Sultanate was one of the rising powers in the Malay World. To the Malays, the nexus, focal point, and execution of power began and end with the palace. This power encompasses not only politics and administration, but the socio-economic aspects as well. With this in mind, the objective of this paper is to discuss the extent of the Johor Sultanate's enduring presence from 1528 to the 18<sup>th</sup> century (in fact, even to the present), and also explain the significance of the 'sultan' as the pillar of Malay authority. The final objective is to assess how the Johor Sultanate became an influential Malay power among the competing regional and foreign powers for centuries. This paper uses the qualitative method based on historical discipline. Therefore, the library research method was used, with the author's exhaustive consultation of Malay manuscripts and authoritative secondary sources. This study found that overall, the political and administrative developments in the Johor Sultanate within the period in question saw many ups and downs. However, the sultanate endured as the symbol of Malay power from 1528 to the 18<sup>th</sup> century. The position of the 'sultan' as the pillar of Malay authority remained, even with conflicts of succession and dynastic changes. Therefore, the Johor Sultanate remained among the most influential powers in the Malay World, alongside their competition such as Aceh, Jambi, the Portuguese, the Dutch, and other political entities. This was achieved through an organised political and administrative system, as well as well-planned diplomatic relations.*

**Keywords:** *Johor Sultanate, power, administrative centre, politics and administration.*

## **Pengenalan**

Sebagai sebuah kuasa Melayu yang muncul pada abad ke-16, kesultanan Johor yang merupakan warisan dan kesinambungan Kesultanan Melayu Melaka telah terbukti menjadi pesaing utama dengan kuasa luar dan kuasa serantau yang lain. Kesultanan Johor diasaskan pada tahun 1528 oleh Raja Ali, putera Sultan Mahmud Shah Melaka bergelar Sultan Alauddin Riayat Syah (1528-1564). Baginda mendirikan pusat pemerintahan kerajaan Johor yang pertama di Pekan Tua atau Sayong Pinang iaitu di hulu Sungai Telor dan berpindah

beberapa tahun kemudian ke Tanjung Batu, Johor Lama. Persoalan utama penulisan ini adalah untuk meneliti pengukuhan kuasa kesultanan Johor sejak awal pengasasannya sehingga melewati era baru dalam politik dan pentadbiran pada abad ke-18. Kesultanan Johor merupakan salah sebuah kuasa yang berkembang di alam Melayu. Bagi masyarakat Melayu, persekitaran kuasa, tumpuan kuasa dan kuatkuasa mereka adalah istana.<sup>1</sup> Melalui institusi istanalah, kuasa sesebuah kerajaan berkembang. Kuasa tersebut meliputi aspek politik dan pentadbiran, termasuk juga sosio-ekonomi. Ketamadunan alam Melayu sangat berkait rapat dengan perkembangan kuasa institusi istana. Sejak abad pertama lagi, muncul kerajaan-kerajaan Melayu yang memegang dan memperluaskan kuasa masing-masing seperti kerajaan Funan, Champa, Majapahit, Srivijaya, Melaka, Brunei, Palembang dan banyak lagi. Setiap kerajaan ini mempamerkan kuasa masing-masing antaranya melalui perluasan empayar, hubungan perdagangan, perkembangan agama, hubungan diplomatik dan kehebatan sistem politik serta pentadbiran. Sejarah membuktikan bahawa Kesultanan Melayu Melaka pernah muncul sebagai sebuah kuasa Melayu yang disegani pada abad ke-15. Namun sayangnya kesultanan ini berakhir pada tahun 1528 akibat penjajahan kuasa barat dan perpindahan legasinya. Situasi ini tidak berlaku kepada kesultanan Johor. Walaupun kesultanan Johor telah melalui pelbagai peristiwa yang mencabar kekuasaannya di alam Melayu namun, institusi istana dan kesultannya tetap bertahan dan berjaya dikekalkan sebagai simbol kuasa Melayu.

Objektif penulisan makalah ini pertamanya adalah untuk membincangkan sejauhmanakah institusi kesultanan Johor dapat bertahan sejak tahun 1528 sehingga abad ke-18 (malahan hingga kini). Hal ini kerana, pada abad ke-16 hingga ke-17, kesultanan Johor mengalami cabaran pengukuhan kuasa akibat persaingan dengan Portugis di Melaka dan Aceh sehingga berlaku beberapa kali perubahan pusat pentadbiran. Selain itu, perselisihan dengan Jambi juga pernah mencabar kedudukan kesultanan Johor. Objektif seterusnya adalah untuk menjelaskan kepentingan kedudukan ‘sultan’ sebagai tonggak kuasa Melayu. Setiap pihak yang ingin memegang kuasa kerajaan ini, masih melihat kepentingan untuk mereka bertakhta dan menjadi seorang sultan. Akibat itu, berlaku perubahan keluarga dalam tumpuk pemerintahan pada tahun 1699 selepas pembunuhan Sultan Mahmud dan juga konflik politik yang pernah menjaskan keamanan kerajaan akibat kemunculan Raja Kecik. Objektif terakhir untuk menilai bagaimanakah kesultanan Johor boleh menjadi sebuah kuasa Melayu yang berpengaruh dalam kalangan kuasa serantau dan kuasa asing berabad-abad lamanya. Biarpun menghadapi pelbagai cabaran, kesultanan Johor tetap memperlihatkan kehebatannya sebagai sebuah kuasa Melayu antaranya melalui kesungguhan pemimpin mendapatkan semula legitimasi nenek moyang mereka di Melaka, memiliki sistem politik dan pentadbiran yang tersusun, perluasan empayar dan hubungan diplomatik yang terancang. Justeru, bagi melaksanakan penulisan ini, kajian kualitatif yang

berasaskan disiplin sejarah digunakan. Kajian perpustakaan dimanfaatkan khususnya untuk memperolehi dan meneliti naskhah Melayu terutama *Sulalatus Salatin*, *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Johor serta Pahang*, *Hikayat Riau* dan *Hikayat Raja-Raja Johor*. Penulisan-penulisan sekunder yang terbukti berautoriti bagi setiap aspek juga dimanfaatkan di samping sumber primer seperti *colonial office record* yang bersesuaian.

Asasnya penulisan sejarah bagi negeri Johor telah banyak dilakukan dan menjadi minat kepada ramai penyelidik. Antara penulisan sejarah Johor yang berwibawa seperti tulisan Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor (1835-1885)*,<sup>2</sup> Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855-1917, Pentadbiran dan Perkembangannya*,<sup>3</sup> Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*,<sup>4</sup> Buyong Adil, *Sejarah Johor*,<sup>5</sup> J. Kathirithamby-Wells, “The Johor Malay World, 1511-1784: The Ideology of Kingship in the Context of Change”,<sup>6</sup> Khasnor Johan, “The Johor-Riau Empire in the 18<sup>th</sup> Century”,<sup>7</sup> R.O. Winstedt, *A History of Johore 1365-1895*<sup>8</sup> dan banyak lagi. Penulisan-penulisan di atas telah memberikan gambaran menyeluruh terhadap perkembangan sejarah khususnya politik dan pentadbiran kesultanan Johor dan sebahagian besarnya digarap dari sudut kronologi. Walaupun penulisan makalah ini memerihalkan fakta-fakta yang sama sebagaimana penulisan di atas, namun perspektif dan objektif perbincangan adalah melihat dari konteks yang berbeza. Hal yang demikian ini kerana, sebahagian besar penulisan tersebut memperlihatkan perkembangan politik dan sosioekonomi Johor secara menyeluruh. Pengasasan kerajaan, pengukuhan, pengantian takhta dan konflik-konflik yang berlaku dibincangkan secara makro. Akan tetapi, makalah ini cuba melihat perkembangan di atas dalam konteks pengekalan kuasa kerajaan Johor. Biarpun berhadapan dengan pelbagai situasi, cabaran dan perubahan ketakhtaan, namun institusi kesultanan Johor sebagai simbol kuasa Melayu tetap bertahan dan kekal .

Terdapat beberapa makalah yang ditulis untuk melihat perkembangan kerajaan Johor dalam konteks yang mikro. Abdullah Zakaria Ghazali di dalam makalah berjudul, “Johor dan Kepulauan Riau: Berlainan Negara tetapi Bersaudara”,<sup>9</sup> membincangkan hubungan kekeluargaan antara keluarga diraja Johor dengan keturunan diraja di Riau Lingga. Biarpun dua keluarga ini berada di dua negara yang berbeza hari ini, namun mereka asasnya dari kesultanan yang sama iaitu Johor. Makalah ini juga mengaitkan isu hubungan suku Melayu dan Bugis sejak abad ke-18. Isu yang sama juga dibincangkan di dalam bab buku tulisan Mardiana Nordin berjudul, “Naskhah Melayu sebagai Pembuktian Ikatan Kekeluargaan Merentas Lautan”.<sup>10</sup> Selain itu, terdapat juga penulisan yang mengkhususkan perbincangan berhubung penguasaan Bugis sehingga berlaku kelemahan dan kurangnya kuasa raja serta pembesar Melayu dalam kerajaan Johor. Isu ini ada dibincangkan oleh Abdullah Zakaria Ghazali,<sup>11</sup> Desi Zuraidi,<sup>12</sup> Alwi Daud<sup>13</sup> dan Haryati Hassan.<sup>14</sup> Abdullah Zakaria juga menegaskan tentang pentingnya peranan Bugis ini dalam menyingkirkan Raja Kecik dari institusi kesultanan Johor dan mengembalikan takhta kepada

Dinasti Bendahara. Perbincangan penulisan-penulisan di atas adalah menarik namun tidak melihat sebagaimana yang diobjektifkan di dalam makalah ini yang cuba meneliti pengukuhan dan perkembangan kuasa kesultanan Johor di alam Melayu terutama dalam aspek politik dan pentadbiran seterusnya bagaimana kesultanan ini berjaya kekal hingga abad ke-18.

### **Institusi Kesultanan dan Perubahan Pusat-pusat Pentadbiran Kesultanan Johor, 1528 - 1699**

Pada era pertama pengukuhan kuasa kesultanan Johor, terdapat sembilan orang sultan yang bertakhta. Sultan-sultan ini adalah dari keturunan Kesultanan Melayu Melaka. Lokasi di sepanjang Sungai Johor menyaksikan tapak berkembangnya ketamadunan kerajaan ini. Pada tahun 1540, Sultan Alauddin Riayat Syah memindahkan ibu kota Johor yang sebelumnya terletak di Pekan Tua ke Tanjung Batu, Johor Lama kerana kedudukan ibu kota sebelum ini berada di tebing sungai yang sempit telah menimbulkan kesukaran kepada kapal untuk berlabuh. Sultan Alauddin mengahwini puteri Pahang, Puteri Kesuma Dewi dan dikurniakan dua orang anak dari perkahwinan ini iaitu Raja Muzaffar dan Raja Fatimah. Raja Fatimah kemudiannya dakahwinkan dengan Raja Omar bin Sultan Mansur Syah, putera Sultan Pahang.<sup>15</sup> Dalam pada itu sebenarnya, Raja Omar telah mempunyai seorang isteri yang lain, puteri Seri Nara Diraja Pahang dan mempunyai putera hasil dari perkahwinan tersebut bernama Raja Mansur.<sup>16</sup> Setelah Sultan Alauddin mangkat (Marhum di Johor Lama), putera baginda Raja Muzaffar ditabalkan memakai gelaran Sultan Muzaffar Syah (1564-1570). Pada tahun 1565, Sultan Muzaffar dan keluarga kemudian berpindah dan membuka pula pusat pentadbiran baru di Bukit Seluyut.<sup>17</sup> Tidak lama kemudian, adinda baginda, Raja Fatimah yang bernikah dengan Raja Omar tadi telah hamil. Rentetan kehamilan tersebut, Raja Omar menceraikan isteri pertama beliau (puteri Seri Nara Diraja Pahang).<sup>18</sup> *Sulalatus Salatin* mencatatkan, Sultan Muzaffar telah berkenan dengan bekas isteri Raja Omar tersebut lalu menikahi puteri Seri Nara Diraja Pahang ini secara rahsia kerana segan kepada iparnya.<sup>19</sup> Tidak lama kemudian, Raja Fatimah melahirkan seorang putera lalu diberi nama Raja Abdul Jalil. Perkahwinan Sultan Muzaffar dengan puteri Seri Nara Diraja Pahang turut dikurniakan putera yang diberi nama Raja Abdullah, atau juga dikenali sebagai Raja Seberang.

Sultan Muzaffar mangkat lalu digelar Marhum di Seluyut. Akan tetapi takhta tidak diwarisi oleh putera baginda sebaliknya diserahkan kepada anakanda saudara baginda iaitu Raja Abdul Jalil (putera Raja Fatimah dengan Raja Omar) bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Syah I (1570/71). Menurut *Sulalatus Salatin*, pelantikan Sultan Abdul Jalil ini berlaku atas wasiat yang dititahkan sendiri oleh Sultan Muzaffar sebelum baginda mangkat.<sup>20</sup> Namun begitu, terdapat juga sumber yang menyebut bahawa bonda baginda, Raja Fatimah telah mempengaruhi pembesar Johor supaya melantik puteranya

sebagai sultan walaupun Sultan Muzaffar turut mempunyai putera iaitu Raja Abdullah.<sup>21</sup> Dari segi pusat pentadbiran, ketika peristiwa ini berlaku, ibu kota Johor masih di Bukit Seluyut.

Tidak begitu lama di atas takhta, Sultan Abdul Jalil mangkat ketika usia yang masih muda. Baginda dicatatkan sempat berwasiat supaya takhta diserahkan kepada adinda sepupunya, Raja Abdullah.<sup>22</sup> Namun begitu, Raja Fatimah sekali lagi memainkan peranan memujuk pembesar-pembesar Johor supaya melantik suaminya pula, iaitu Raja Omar yang juga ayahanda kepada Sultan Abdul Jalil supaya ditabalkan sebagai sultan Johor.<sup>23</sup> Pembesar dan Orang Kaya Johor bersetuju dengan cadangan ini lalu Raja Omar ditabalkan sebagai Sultan Johor keempat bergelar Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah II (1571-1597).<sup>24</sup> Selepas menaiki takhta, Sultan Ali Jalla Abdul Jalil memindahkan pusat pentadbirannya ke Pasir Putih/Tanah Putih. Namun, perpindahan ini hanya untuk dua tahun (1573)<sup>25</sup> kerana kemudiannya ibu kota Johor dipindahkan kembali ke Johor Lama setelah kotanya (Kota Batu) dibaikpulih. Pada 15 Ogos 1587, Kota Batu diserang Portugis memaksa Sultan Ali Jalla Abdul Jalil berundur dan membuka pusat pentadbiran Johor yang baru di Batu Sawar.<sup>26</sup> Setelah bertakhta selama 26 tahun, Sultan Ali Jalla Abdul Jalil mangkat pada tahun 1597 dan digelar Marhum Batu Sawar. Takhta kerajaan Johor diserahkan pula kepada Raja Mansur iaitu putera Sultan Ali Jalla Abdul Jalil bersama dengan isteri pertama (puteri Seri Nara Diraja Pahang). Baginda ditabalkan sebagai Sultan Johor kelima bergelar Sultan Alauddin Riayat Syah II (1597-1615).

Sejak dari tahun 1528 iaitu semenjak kerajaan Johor ini diasaskan, perairan Selat Melaka menyaksikan persaingan antara tiga kuasa besar iaitu Johor, Aceh dan Portugis (di Melaka). Persaingan ini digelar Perang Tiga Segi. Aceh misalnya, beberapa kali melancarkan serangan ke atas Johor untuk melumpuhkan kuasa ekonomi dan politik empayar ini. Pada Jun 1613 misalnya, tentera Aceh pimpinan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1606-1636) menyerang Batu Sawar. Sultan Alauddin II, Bendahara Tun Seri Lanang, Raja Abdullah dan keluarga mereka telah ditawan dan dibawa ke Aceh. Di Aceh, Raja Abdullah dikahwinkan dengan adinda Sultan Iskandar Muda. Tidak berapa lama kemudiannya, Raja Abdullah dihantar pulang ke Johor diiringi tentera Aceh. Manakala pada pertengahan tahun 1614, Sultan Alauddin II pula dibenarkan kembali ke Johor dan kekal di atas takhta kerajaan.

Tidak berapa lama selepas itu, Sultan Alauddin II dan Raja Abdullah telah membuat pakatan pula dengan Portugis. Mereka menabalkan putera Sultan Alauddin II bernama Raja Bujang sebagai Sultan Pahang tanpa memaklumkan kepada Aceh. Hal ini menyebabkan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam menjadi murka lalu pada November 1615, baginda menyerang Batu Sawar sekali lagi, menawan Sultan Alauddin II dan baginda dibunuh di Aceh. Dengan kemangkatan Sultan Alauddin II, Sultan Iskandar Muda Aceh mengangkat Raja Abdullah (putera Sultan Muzaffar Shah dengan puteri Seri

Nara Diraja Pahang) yang juga saudara seibu Sultan Alauddin II sebagai sultan Johor bergelar Sultan Abdullah Muayat Syah (1615-1623). Di dalam situasi ini, walaupun kelihatan pihak Aceh yang memainkan peranan dalam penggantian takhta kesultanan Johor, namun Sultan Abdullah adalah waris yang berhak ke atas takhta tersebut.<sup>27</sup> Sultan Abdullah kembali bersemayam di Batu Sawar.<sup>28</sup>

Memandangkan pertabalan Raja Bujang ke atas takhta Pahang tanpa persetujuan Aceh, justeru pada tahun 1617, Aceh menyerang Pahang menyebabkan Raja Bujang berundur ke Lingga. Dalam pada itu, Sultan Abdullah turut berundur ke Lingga kerana merasakan kedudukan baginda yang tidak selamat di Johor. Tindakan ini diambil ekoran baginda menceraikan isterinya iaitu adinda kepada Sultan Iskandar Muda Aceh. Pada tahun 1623, Sultan Iskandar Muda Aceh menyerang pula Lingga lalu Sultan Abdullah, Raja Bujang dan pembesar-pembesar berundur pula ke Pulau Tembelan. Sultan Abdullah mangkat di Tembelan digelar Marhum Tembelan. Setelah kemangkatan Sultan Abdullah, isu ketakhtaan kesultanan Johor muncul semula. Sultan Abdullah mempunyai putera bernama Raja Bajau. Akan tetapi, putera baginda tidak ditabalkan kerana masih kecil.<sup>29</sup> Oleh itu, pembesar-pembesar kerajaan khususnya di bawah peranan dan pengaruh Laksamana Tun Abdul Jamil, telah mengangkat Raja Bujang (Sultan Pahang yang berundur sebelum ini) sebagai Sultan Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Syah III (1623-1677).

Dari sudut pemerintahan, selepas Sultan Abdul Jalil III menaiki takhta, Raja Bajau (putera Sultan Abdullah) telah diangkat sebagai ‘Yamtuhan Muda’.<sup>30</sup> Pada tahun 1641, Sultan Abdul Jalil mendirikan ibu kota Johor di Makam Tauhid. Ketika ketakhtaan baginda, pelbagai peristiwa sejarah yang penting bagi kerajaan Johor telah berlaku. Pengukuhan kuasa kerajaan Johor mencapai kemuncaknya apabila Portugis berjaya dikalahkan di Melaka hasil serangan Johor dan Belanda pada tahun 1641. Perang Tiga Segi juga dianggap berakhir kerana bukan sahaja kerana Portugis berundur, malahan perubahan dasar pemerintahan Aceh setelah kemangkatan Sultan Iskandar Thani. Situasi ini memberi ruang kepada Johor muncul sebagai kuasa politik dan ekonomi Melayu terutama di Selat Melaka. Kerajaan ini terus menikmati kegemilangannya apabila kemudian berjaya menyelesaikan pula konflik antara Johor dengan Jambi.

Pada tahun 1673, Jambi menyerang ibu kota Johor dan memusnahkan sebahagian besar pembangunan dan perdagangan di dalam kerajaan. Serangan ini memaksa Sultan Abdul Jalil Syah III berundur ke Pahang dan meninggalkan Laksamana Tun Abdul Jamil di Riau untuk memulihkan pertahanan Johor. Pada tahun 1676, Yam Tuan Muda Raja Bajau meninggal dunia meninggalkan seorang putera bernama Raja Ibrahim. Sultan Abdul Jalil Syah III pula mangkat pada tahun 1677 di Pahang dan digelar Marhum di Pahang. Oleh itu, takhta kerajaan Johor diserahkan kepada putera Al-Marhum Raja Bajau tadi iaitu Raja Ibrahim bergelar Sultan Ibrahim Syah (1677-1685). Pada masa

pemerintahan baginda, Tun Habib Abdul Majid memegang jawatan Bendahara Seri Maharaja.<sup>31</sup>

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, kerajaan Johor kembali menyerlah apabila Laksamana Tun Abdul Jamil dapat mengembalikan maruah Johor. Laksamana berjaya menyerang balas Jambi dan memperoleh kemenangan. Pada tahun 1678, setelah berjaya memulihkan keamanan Johor, Laksamana Tun Abdul Jamil menjemput Sultan Ibrahim di Pahang kembali ke Johor dan bersemayam di Riau. Laksamana Tun Abdul Jamil kemudian dianugerahkan gelaran Paduka Raja, iaitu gelaran yang sebelum ini hanya pernah disandang oleh Bendahara. Dalam era ini, pengaruh keluarga Laksamana Paduka Raja Tun Abdul Jamil sedang meluas dalam kerajaan Johor. Situasi tersebut menjadi lebih ketara apabila salah seorang puterinya bernama Raja Fatimah menjadi permaisuri Sultan Ibrahim. Apabila Sultan Ibrahim mangkat pada tahun 1685 (baginda digelar Marhum Bongsu), permaisuri dan ayahandanya memastikan putera baginda Raja Mahmud mewarisi takhta walaupun ketika itu Raja Mahmud masih kecil. Raja Mahmud ditabalkan ke atas takhta Johor bergelar Sultan Mahmud Syah dan kekal bersemayam di Riau. Ketika pertabalan, baginda diriba oleh bondanya yang bertindak seolah-olah pemangku raja walaupun lazimnya pemangku raja yang masih kecil adalah bendahara.<sup>32</sup> Justeru, adalah ketara nenda baginda, Laksamana Paduka Raja Tun Abdul Jamil yang berkuasa ke atas pemerintahan Johor ketika itu. Selepas kemangkatan Laksamana, Bendahara Tun Habib Abdul Majid membawa Sultan Mahmud berpindah dari Riau ke tanah besar Johor, kembali di pesisir Sungai Johor dan baginda beserta para pembesar bersemayam di Kota Tinggi.

Politik Kerajaan Johor mengalami pergolakan yang sangat besar signifikannya terhadap perkembangan politik negeri-negeri Melayu yang lain pada tahun 1699. Hal ini berkait dengan pembunuhan Sultan Mahmud Syah oleh Laksamana baginda sendiri, Megat Seri Rama. Sultan Mahmud dikenali sebagai Sultan Mahmud Mangkat Dijulang ekoran peristiwa ini. Dari sudut pemerintahan kerajaan, apabila baginda mangkat, satu perubahan besar berlaku terhadap sistem pengantian kesultanan Johor.<sup>33</sup> Institusi kesultanan Johor kemudiannya diambil alih oleh bendahara Tun Abdul Jalil bin Tun Habib Abdul Majid dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV (1699-1718).

Dengan kemangkatan Sultan Mahmud, bermakna berakhirnya pemerintahan Kerajaan Johor dari keturunan Kesultanan Melayu Melaka. Namun begitu, melalui peristiwa ini dapat dilihat bagaimana pembesar Johor masih memikirkan pentingkan institusi kesultanan dan jawatan sultan itu dikekalkan sebagai tonggak kuasa Melayu. Oleh itu, biarpun tidak mendapat sokongan seratus peratus dari para pembesar dan rakyat, bendahara Tun Abdul Jalil diangkat sebagai sultan walaupun bukan dari keturunan yang sama dengan sultan-sultan sebelumnya.

Jadual 1 di bawah merupakan senarai sultan Johor yang bertakhta dari tahun

1528 hingga 1699.

**Jadual 1: Sultan-Sultan Johor, 1528-1699<sup>34</sup>**

Bil	Sultan Johor	Tempoh Pemerintahan
1	Sultan Alauddin Riayat Syah	1528-1564
2	Sultan Muzaffar Syah	1564-1570
3	Sultan Abdul Jalil Syah	1570-1571
4	Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah II (Raja Omar)	1571-1597
5	Sultan Alauddin Riayat Syah II (Raja Mansur)	1597-1615
6	Sultan Abdullah Muayat Syah (Raja Seberang)	1615-1623
7	Sultan Abdul Jalil Syah III (Raja Bujang)	1623-1677
8	Sultan Ibrahim Syah (Raja Ibrahim)	1677-1685
9	Sultan Mahmud Syah	1685-1699

Selain itu, sekiranya diteliti kepada situasi politik dalam era tersebut yang melibatkan perpindahan ibu kota Johor dari satu lokasi ke satu lokasi, namun pada masa yang sama, kedaulatan kerajaan Johor tetap terpelihara dan berkesinambungan. Oleh itu, adalah jelas betapa penting dan tingginya daulat serta kuasa kesultanan Johor tersebut. Biarpun beberapa kali ibu kota termusnah akibat serangan Aceh dan Portugis atau juga kerana faktor lain seperti konflik dengan Jambi dan wabak penyakit, baginda sultan sentiasa mendapat sokongan pembesar dan rakyat untuk membangunkan tapak-tapak yang baru seterusnya mengekalkan kuasa mereka. Jadual 2 di bawah memaparkan pusat pentadbiran Kerajaan Johor dari tempoh 1528 hingga 1699 dan sultan yang bersemayam di tapak tersebut.

**Jadual 2: Pusat-pusat Pentadbiran Kerajaan Johor Sehingga Tahun 1699<sup>35</sup>**

Bil	Nama ibu kota	Sultan yang pernah bersemayam
1	Pekan Tua/Sayong Pinang	Sultan Alauddin Riayat Syah
2	Kota Johor Lama	Sultan Alauddin Riayat Syah Sultan Muzaffar Syah Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah II
3	Bukit Seluyut	Sultan Muzaffar Syah Sultan Abdul Jalil Syah
4	Pasir Putih	Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah II

5	Batu Sawar	Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah II Sultan Alauddin Riayat Syah II Sultan Abdullah Muayat Syah Sultan Abdul Jalil Syah III
6	Lingga	Sultan Abdullah Muayat Syah Sultan Abdul Jalil Syah III
7	Makam Tauhid	Sultan Abdul Jalil Syah III
8	Bentan/Riau	Sultan Ibrahim Syah Sultan Mahmud Syah
9	Kota Tinggi	Sultan Mahmud Syah

### **Politik dan Pentadbiran Kerajaan Johor Abad ke-16 dan Abad ke-17: Pengukuhan dan Pemantapan Kuasa**

Abad ke-16 dan ke-17 merupakan tempoh yang penting terhadap pengukuhan dan kegemilangan kerajaan Johor. Secara asasnya, Johor meneruskan tradisi keagungan Melaka sebagai sebuah ‘Kerajaan Melayu Pelautan’ yang sangat berkait rapat dengan fungsi Sungai Johor dalam pentadbiran, perhubungan, komunikasi dan penerusan budaya.<sup>36</sup> Kegemilangan Johor sebagai sebuah empayar Melayu yang masyhur telah diakui oleh semua sarjana. Johor bukan sahaja mewarisi pelbagai tradisi agung kesultanan Melaka, malah juga mengukuhkan identiti dan jati diri tersendiri menjadikan empayar ini sukar ditandingi oleh kuasa Melayu lain pada abad ke-17.

Terdapat beberapa aspek yang boleh diketengahkan dalam memperlihatkan pengukuhan seterusnya pemantapan kerajaan Johor sebagai sebuah kuasa Melayu yang unggul pada abad ke-16 dan ke-17 ini. Aspek tersebut adalah seperti perluasan empayar, kesungguhan mendapatkan semula legitimasi nenek moyang mereka di Melaka, keupayaan bersaing dengan Aceh, struktur pemerintahan dan sistem pentadbiran yang tersusun juga hubungan diplomatik yang terancang.

Dari segi perluasan empayar, catatan menunjukkan sejak tahun 1540, Johor dapat menguasai Aru. Seterusnya pada awal abad ke-17 Johor dapat menakluk Bengkalis, Kampar, Jambi, Siak, Rokan dan Klang dan menempatkan wakil pemerintah Johor di jajahan takluknya. Sehingga tahun 1644, Johor menguasai pelabuhan-pelabuhan penting di Sumatera seperti Bengkalis dan Kampar yang berperanan memasarkan lada hitam. Demikian juga Siak dan Rokan. Kerajaan Johor mewakilkan Syahbandar untuk mentadbir wilayah-wilayah ini.<sup>37</sup> Kajian oleh Andaya yang merujuk kepada sumber Belanda mencatatkan dengan jelas bahawa pada tahun 1641, empayar Johor meliputi Sungai Klang, Linggi, Siak, Kampar, Bengkalis, Unggaran, Kepulauan Karimun, Bulang, Bentan, Lingga, Singapura, Selangor, Batu Pahat dan

Muar.<sup>38</sup> Inderagiri pula ditawan sekitar tahun 1660-an. Penaklukan Inderagiri memberi kesan yang besar kerana selain Bengkalis dan Kampar, Inderagiri juga merupakan pusat pengedaran lada hitam dari Minangkabau. Kawalan ke atas Inderagiri membolehkan seluruh lada hitam ini dibawa dan dipasarkan di pelabuhan kerajaan Johor.<sup>39</sup> Johor sememangnya memperkuatkuhan penguasaannya atas pantai timur Sumatera hingga ke Deli selain ke Pahang dan Terengganu di Semenanjung Tanah Melayu.<sup>40</sup>

Sebahagian besar Sumatera akhirnya terangkum di dalam empayar Johor. Pentadbiran kerajaan Johor ke atas tanah jajahan di Sumatera ini dilaksanakan dalam pelbagai bentuk. Inderagiri misalnya diberi kebebasan mentadbir sendiri wilayah mereka namun atas kawalan Johor. Kampar, Siak dan Rokan ditadbir oleh seorang Syahbandar yang bertanggung jawab secara langsung kepada pentadbiran pusat Johor. Sistem ini berkait rapat dengan fungsi sungai-sungai di wilayah terbabit yang memasarkan produk emas dan lada hitam dari Minangkabau. Batu Bahara dan Deli pula turut memperakui pertuanan Johor namun masih mengekalkan pemerintah masing-masing. Keseluruhan Johor memberi ruang kepada tanah-tanah jajahan di Sumatera untuk mengekalkan kebebasan dalam pentadbiran wilayah mereka. Namun sekali dalam setiap tahun sebagai bukti penguasa di perairan Melayu itu, Johor akan menghantar utusan mereka ke wilayah-wilayah terbabit untuk mengutip cukai atau ufti dan juga sebagai wakil sultan menerima sembah daripada pemerintah-pemerintah tersebut.<sup>41</sup>

Di dalam kesungguhan pemerintah memperluaskan pengaruh dan jajahan takluk, keinginan mereka untuk kembali menguasai Melaka yang dirampas oleh Portugis dari nenek moyang mereka tidak pernah pudar. Para pemerintah, pembesar dan rakyat Johor tidak pernah berhenti dan tidak mudah berputus asa dalam usaha menawan semula Melaka. Pada Jun 1551, Johor bergabung dengan Perak, Pahang dan Jawa menyerang Portugis tersebut. Ekspedisi serangan dilancarkan sekali lagi pada tahun 1564. Demikian juga pada tahun 1608. Biarpun tidak berjaya mengambil kembali Melaka, tetapi tindakan ini wajar dipuji dari segi ketabahan, kegigihan dan keberanian pemerintah dan rakyat Johor dalam usaha melancarkan kempen-kempen serangan ke atas Portugis di Melaka. Kekuahan barisan pertahanan Johor juga membuktikan kerajaan ini ketika itu telah mempunyai kewibawaan yang besar apabila mampu menangkis serangan Portugis pada tahun 1535, 1536 dan 1587.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, pada abad ke-16 hingga ke-17 Johor sedang berada dalam arena Perang Tiga Segi. Bermakna, pada masa yang sama Johor turut perlu bersaing dengan Aceh. Tentera Johor pernah berjaya mengundurkan angkatan Aceh di muara Sungai Panai pada tahun 1540.<sup>42</sup> Walaupun tidak dinafikan kemudiannya serangan Aceh berjaya menundukkan Johor pada awal abad ke-17 dan menawan sultan juga para pembesarnya. Dengan kata lain sejak abad ke-16 sehingga ke-17, Johor telah

menghadapi serangan dari Portugis dan Aceh sehingga berbelas-belas kali tetapi tidak pernah melumpuhkan atau melenyapkan kuasa ini dari bumi alam Melayu.

Kehebatan kerajaan Johor pada era ini turut diperlihatkan melalui struktur pemerintahan dan sistem pentadbirannya. Rangka sebuah kerajaan Melayu dengan sistem pentadbiran tersendiri telah dibentuk oleh Sultan Alauddin Riayat Syah lagi. Baginda diikuti sultan kedua dan ketiga telah berjaya memperkuuhkan kuasa, mengusai hampir semua jajahan takluk Melaka sebelum ini dan memperluaskan empayar Johor. *Sulalatus Salatin* menggambarkan, pada zaman pemerintah yang kedua, Sultan Muzaffar Syah, perairan Johor terkawal dengan rapi dengan pertahanan yang kukuh. Dicatatkan, “Hatta selama Laksamana Hang Nadim memerintahkan laut, tiadalah Peringgi beroleh terdangka-dangka lagi di laut Johor, barang yang terjumpa dipanahnya; maka adalah teluk rantau sentiasa dipairinya.”<sup>43</sup> Demikian juga dengan situasi ibu kota kerajaan Johor. Menurut *Sulalatus Salatin* lagi, kemakmuran ibu kota kerajaan Johor di Seluyut semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah ini sebagai,

... terlalu ramai negeri Seluyut. Kampung orang penuh di sungai Seluyut itu seberang menyeberang dan sungai dari seberang Kuala Seluyut datang ke Padang Riang-Riang tiada berputusan seberang menyeberang, pasar besar di Ganggang.<sup>44</sup>

Di peringkat pentadbiran pusat, sultan adalah simbol kekuasaan dan kegemilangan Johor. Sultan-sultan Johor pada abad ke-16 dan ke-17 ini mewarisi leluhur atau genealogi raja-raja Melaka. Pada era kegemilangannya, pastilah sultan-sultan Johor dapat memainkan fungsi mereka dengan ketara dan berkesan. Terutama apabila kerajaan ini berjaya dibangunkan sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa. Kekayaan yang datang dari aktiviti perdagangan ini, termasuk harta-harta rampasan perang dan pembanterasan lanun, mengalir masuk ke perbandaharaan diraja.<sup>45</sup>

Biarpun berpindah-pindah ibu kota Johor sepanjang abad ke-16 dan ke-17, Johor masih mampu mengekalkan struktur pemerintahan dan politik yang kemas. Sultan dibantu oleh empat pembesar utama dan menteri-menteriannya. Selain pembesar-pembesar utama di pusat, unit pentadbiran dibentuk untuk mengawal wilayah yang jauh dari pusat kerajaan Johor. Wakil pentadbir (menteri) ini dilantik dan bertanggungjawab kepada bendahara.<sup>46</sup>

Menurut Andaya, sebuah unit pentadbir pusat dipanggil Majlis Orang Kaya dibentuk walaupun perincian mengenai fungsi dan peranan mereka sukar diperolehi atau dikenalpasti ekoran kekangan sumber. Namun tidak dinafikan, majlis ini pasti dianggotai oleh mereka yang bergelar seperti Datuk Bendahara, Paduka Raja, Tun Pikrama, Laksamana, Temenggung, Sri Bija Diraja, Seri

Nara Diraja, Seri Nara Menteri, Seri Bija Wangsa, Paduka Seri Mahajara, Sri Pikrama Raja, Seri Mahawangsa dan Maharaja Indera Mara Denda.<sup>47</sup>

Orang Laut juga merupakan institusi yang sangat menyumbang kepada pentadbiran dan pengukuhan kuasa Johor. Pemerintah Johor memilih lokasi pusat pentadbiran mereka dengan mengambil kira aspek keselamatan berbanding kemudahan jalan masuk. Kebanyakan lokasi yang dipilih di sepanjang Sungai Johor itu adalah kawasan yang mudah untuk meloloskan diri sekiranya diserang seperti kawasan yang berangin dan berhampiran dengan banyak cabang sungai.<sup>48</sup> Namun tidak dinafikan, usaha untuk menjamin keselamatan lokasi-lokasi ini adalah peranan oleh Orang Laut. Mereka lah yang mengawal muara-muara sungai hingga sukar ditembusi oleh orang asing.

Selain itu, keputusan untuk mengukuhkan pusat pentadbiran di Bentan (sebuah pulau yang lebih terbuka kedudukannya) oleh pemerintah Johor pada akhir abad ke-17 juga atas keyakinan keselamatan yang dibekalkan oleh Orang Laut. Pulau ini juga berhampiran dengan kawasan penempatan masyarakat Orang Laut yang mendiami Kepulauan Riau-Lingga, kumpulan Pulau Tujuh, Kepulauan Batam dan juga sekitar pantai dan pulau-pulau di sebelah timur Sumatera termasuk bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu. Orang Laut juga antara penyumbang utama tenaga tentera kerajaan Johor. Ramai juga dalam kalangan mereka yang berkhidmat sebagai pendayung kapal diraja dan juga orang utusan. Budaya kehidupan yang berasaskan air dan kemahiran pengetahuan tentang keadaan muka bumi/laut Kepulauan Riau Lingga (seperti beting pasir, terumbu/batu karang, kawasan cetek dan sebagainya) menjadi faktor keyakinan pemerintah untuk mendirikan ibu kota di Bentan.<sup>49</sup>

Dalam pentadbiran, hubungan diplomatik turut diperkuuhkan. Johor secara berterusan bekerja sama dengan wilayah-wilayah berhampiran dalam usaha menentang musuh. Misalnya untuk berhadapan dengan Aceh, Johor pernah bekerjasama dengan Palembang, Jambi, Inderagiri, Kampar dan Siak. Selepas tahun 1629, Johor mengembangkan pula hubungan diplomatik dengan Patani. Misalnya Sultan Abdul Jalil Syah III pernah melawat Patani pada tahun 1639 diikuti lawatan balas Raja Patani ke Johor pada tahun 1641. Malah pada tahun 1644, terjalin pula ikatan kekeluargaan Johor-Patani apabila Ratu Patani berkahwin dengan adinda Sultan Abdul Jalil (atau Sultan sendiri?).<sup>50</sup> Hubungan luar dengan negeri-negeri Melayu lain turut berlaku misalnya utusan Kedah ke Johor pada tahun 1682.

Hubungan diplomatik dengan Belanda juga membawa era baru kepada pentadbiran Johor. Johor menjalinkan hubungan dengan Belanda sejak tahun 1602 lagi apabila Jacob Heemskerck pertama kali menjelajah kaki ke bumi Johor di Batu Sawar. Dalam pertemuan ini lagi, Belanda sudah menawarkan bantuan dan kerja sama dengan Johor untuk menentang Portugis, Aceh dan Patani waktu itu.<sup>51</sup> Selepas tahun 1629, Belanda mengiktiraf keupayaan Johor berdiri sendiri, apabila Belanda diminta berkecuali dalam sengketa Johor dengan Aceh dan sebarang hal-ehwal politik dengan Pahang. Sejak tahun 1637,

Sultan Johor (Sultan Abdul Jalil III) berjanji untuk saling bantu-membantu mengusir Portugis dari Melaka. Belanda juga pernah melaporkan pada tahun 1637, sebuah angkatan dari Johor berjaya merampas kapal-kapal Portugis di Kepulauan Karimun malahan telah juga berjaya menumpaskan sebuah kapal perang Aceh yang sedang dalam pelayaran ke Pahang. Temeterinya perjanjian Johor-Belanda pada tahun 1639 adalah kerana kepercayaan Belanda terhadap kekuatan kuasa Melayu ini.

Pada tahun 1639, Laksamana Tun Abdul Jamil menandatangani satu perjanjian dengan Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) di Patani yang diwakili oleh Philip Lucazs. Tun Abdul Jamil yang mewakili Sultan Johor, menyatakan kesediaan Johor untuk bersama-sama dengan Belanda mengepung Portugis di Melaka. Pada masa yang sama, Belanda pula menyatakan kesanggupan untuk membantu Johor membina semula kota di Batu Sawar atau di mana-mana tempat lain yang termusnah akibat Perang Tiga Segi yang sedang meletus ketika itu. Belanda juga menjanjikan kelengkapan perang seperti meriam dan alat senjata kepada Johor sebagai balasan pakatan dan kerja sama mereka itu di samping, "... melindungi Johor daripada segala tindakan dan gangguan yang tidak sepatutnya daripada pihak Portugis dan juga Aceh".<sup>52</sup> Gabungan tentera Belanda dan Johor telah mengepung kota Melaka sehingga enam bulan lamanya dan akhirnya berjaya mengusir Portugis keluar dari Melaka pada 14 Januari 1641. Surat yang dipetik oleh Andaya bertarikh 23 Disember 1643 mencatatkan,

Kita perlu terus mengenang bahawa orang Johor telah begitu banyak memberikan sumbangan ke arah penaklukan Melaka. Tanpa bantuan mereka, kita tidak mungkin menjadi tuan di tempat yang kukuh itu.<sup>53</sup>

Perkembangan politik dan pentadbiran di atas dapat membuktikan kesultanan Johor merupakan sebuah kuasa Melayu yang berpengaruh dalam kalangan serantau dan kuasa asing khususnya pada abad ke-16 dan 17 tersebut.

### **Konflik Politik 1699-1722: Cabaran dan Penerusan Kuasa**

Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV memegang tampuk pemerintahan kerajaan Johor pada Ogos 1699. Apabila Sultan Mahmud Syah mangkat tanpa meninggalkan waris, tindakan Bendahara Tun Abdul Jalil menaiki takhta kerajaan, bukanlah suatu fenomena yang tidak wajar tetapi bukan juga satu situasi yang mudah diterima dalam kalangan masyarakat tradisi waktu itu. Konflik politik dalam kerajaan Johor sebenarnya telah berlaku sebaik sahaja Tun Abdul Jalil menjadi sultan. Baginda dikatakan tidak sepenuhnya mendapat sokongan daripada pembesar-pembesar kerajaan, rakyat tempatan dan Orang Laut. Pemberontakan dalam kalangan Orang Laut berlaku misalnya di wilayah Selangor dan Klang pada tahun 1702. Orang Minangkabau di pedalaman Siak

turut memberontak pada tahun 1705, sementara pemberontakan di Rembau dan Inderagiri berlaku pada tahun 1706, manakala di Batu Bahara dan Deli pada tahun 1707. Di dalam ibu kota Johor sendiri pernah berlaku pergolakan hingga meletusnya pemberontakan secara terbuka oleh dua Orang Kaya dan 400 rakyat Johor pada tahun 1709.<sup>54</sup> Konflik politik yang benar-benar mencabar ketakhtaan kerajaan Johor berlaku pada tahun 1718, apabila seorang raja dari Siak iaitu Raja Kecik<sup>55</sup> datang menyerang Johor. Beliau yang mendakwa dirinya sebagai putera Sultan Mahmud Mangkat Dijulang telah mendapat sokongan daripada sebahagian besar Orang Laut dan rakyat tempatan menuntut haknya sebagai sultan Johor. Untuk itu beliau telah melancarkan serangan pada 22 Mac 1718 (1 Jamadil Awal 1130). Kerajaan Johor berjaya dirampas lalu beliau mengangkat dirinya sendiri sebagai sultan Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah (1718-1722).

Selepas menaiki takhta, Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah telah mengembalikan Tun Abdul Jalil kepada kedudukan asalnya sebagai bendastra. Namun begitu akibat konflik dalaman, Tun Abdul Jalil kemudian telah berundur dan menuju di Terengganu.<sup>56</sup> Sebelum itu, Raja Kecik telah mengahwini puteri Tun Abdul Jalil bernama Tengku Kamariah, setelah memutuskan pertunangannya dengan Tengku Tengah yang merupakan kekanda Tengku Kamariah. Di dalam *Tuhfat al-Nafis* menyebut, Tengku Kamariah telah pulang ke kediaman ayahandanya kerana diculik oleh kekandanya Tengku Tengah.<sup>57</sup> Peristiwa ini menimbulkan kemarahan Raja Kecik lalu beliau menyerang kediaman Tun Abdul Jalil. Apabila kubu Tun Abdul Jalil di Seluyut berjaya diruntuhkan bagindapun berundur ke Terengganu.<sup>58</sup> Tidak lama kemudian, baginda bergerak pula ke Pahang.<sup>59</sup>

Ketika berada di Pahang, Tun Abdul Jalil dipelawa pulang ke Johor untuk diangkat sebagai bendastra semula. Di antara putera dan puteri baginda yang turut bersamanya ketika itu ialah Raja Sulaiman, Tengku Tengah, Tengku Mandak dan Tengku Kamariah. Namun semasa dalam perjalanan pulang, Nakhoda Sekam yang memikul tanggungjawab membawa pulang Tun Abdul Jalil telah mendapat utusan daripada Raja Kecik agar Tun Abdul Jalil dibunuhi. Akhirnya pada tahun 1720, Tun Abdul Jalil dibunuhi oleh hulubalang-hulubalang Nakhoda Sekam ketika baginda sedang sembahyang subuh di Kuala Pahang.<sup>60</sup>

Peristiwa ini menimbulkan kemarahan putera dan puteri Sultan Abdul Jalil, terutamanya Raja Sulaiman dan Tengku Tengah. Kedudukan Raja Kecik sebagai sultan Johor tidak bertahan lama. Raja Sulaiman dan Tengku Tengah telah meminta pertolongan daripada Opu-Opu Bugis Lima Bersaudara (Daeng Parani, Daeng Marewah, Daeng Menambun, Daeng Chelak dan Daeng Kemasi). Opu-Opu Bugis dengan bantuan orang Bugis di Selangor akhirnya berjaya mengalahkan Raja Kecik pada 4 Oktober 1722 (22 Zulhijjah 1134). Dinasti bendastra ditegakkan semula apabila Opu-Opu Bugis melantik Raja Sulaiman sebagai sultan dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Serentak

dengan pertabalan Sultan Sulaiman ini, satu jawatan baru telah diwujudkan di dalam kerajaan Johor iaitu Yang Di Pertuan Muda (YDPM)/Yam Tuan Muda dan jawatan ini dikhaskan kepada suku Bugis dan keturunannya sahaja. Oleh itu Daeng Marewah yang bergelar Kelana Jaya Putera telah diangkat sebagai yang Di Pertuan Muda kerajaan Johor yang pertama. Sultan Sulaiman merupakan sultan Johor kedua daripada Dinasti Bendahara meneruskan legasi ketakhtaan Johor tersebut sekaligus memastikan institusi kesultanan Johor kekal dipertahankan.

### **Politik dan Pentadbiran Kerajaan Johor, 1722-1819: Era Penguasaan Baru**

Selepas tahun 1722, Riau (di pulau Bentan) menjadi pusat pentadbiran kerajaan Johor. YDPM menjadi seorang pemimpin yang sangat menonjol di dalam kerajaan. Sumber-sumber tempatan yang lahir dalam tempoh ini yang juga sebahagian besarnya ditulis oleh penulis dari keturunan Bugis, menyerlahkan lagi peranan dan kekuasaan YDPM bersama pemimpin Bugis yang lain di dalam kerajaan Johor.

YDPM Daeng Marewah meninggal dunia pada 7 Ogos 1728 (1 Muharam 1141). Saudaranya Daeng Chelak telah diangkat oleh Sultan Sulaiman sebagai YDPM kedua. Daeng Chelak pula meninggal dunia pada 15 Mei 1789 (13 Rabiul Akhir 1158) lalu Sultan Sulaiman bermuafakat dengan Orang Besar-Besar dan segala suku Bugis melantik anak saudara Daeng Chelak yang juga putera Daeng Parani iaitu Daeng Kemboja, sebagai gantinya.

Apabila Sultan Sulaiman mangkat pada tahun 1761, takhta kerajaan Johor diganti oleh puteranya, Raja Di Baroh dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Muazzam Syah. Namun semasa kemangkatan Sultan Sulaiman, Raja Di Baroh berada di Kuala Selangor. Apabila baginda mendengar berita kemangkatan ayahandanya, baginda turut jatuh sakit dan mangkat. Baginda yang ditabalkan sebagai sultan tidak sempat menjalankan pentadbiran kerajaan. Oleh itu takhta diberi kepada putera Raja Di Baroh iaitu Raja Ahmad dengan gelaran Sultan Ahmad Riayat Syah yang ketika itu baru berusia lapan tahun.<sup>61</sup>

Sultan Ahmad juga tidak lama di atas takhta. Selepas kemangkatan Sultan Ahmad, dinasti bendahara berlanjutan dengan pelantikan Raja Mahmud sebagai sultan dengan gelaran Sultan Mahmud Syah II. Sultan Mahmud adalah adinda Sultan Ahmad dan kenaikannya ke atas takhta adalah atas usaha suku Bugis yang diketuai oleh YDPM Daeng Kemboja dan pembantunya Raja Haji (putera Daeng Chelak). Hal yang demikian ini kerana, selepas kemangkatan Sultan Ahmad, telah berlaku pertikaian di antara pembesar Melayu dengan pembesar Bugis. Bendahara Tun Hassan dan Temenggung Abdul Jamal ingin melantik saudara kepada marhum Raja Di Baroh iaitu Tengku Abdul Kadir, Tengku Osman atau Tengku Buang sebagai sultan tetapi tidak dipersetujui oleh pembesar-pembesar Bugis. Akhirnya pada tahun 1761 Raja Mahmud dilantik

setelah pembesar-pembesar Bugis berkeras.

Ketika Raja Mahmud dilantik sebagai sultan, baginda baru berumur setahun justeru memberi ruang kepada YDPM Daeng Kemboja memangku sekaligus menguasai pentadbiran kerajaan Johor. YDPM Daeng Kemboja meninggal dunia pada tahun 1777 digelar Marhum Janggut. Berita tersebut disampaikan kepada Raja Haji yang berada di Pontianak waktu itu. Raja Haji telah singgah di Pahang lalu Bendahara Abdul Majid melantik beliau sebagai YDPM yang keempat.<sup>62</sup>

Ketika Raja Haji menjadi YDPM, berlaku perselisihan di antara Raja Haji dengan Belanda. Di dalam peristiwa ini Belanda yang bersubahat dengan Perancis merampas barang-barang di dalam sebuah kapal British bernama *Betsy* (membawa muatan 1,154 buah peti candu) yang berada di perairan Riau. Setelah kapal Perancis menyerang kapal *Betsy*, hasil jualan candu-candu tersebut dibahagi dua dengan Belanda.<sup>63</sup>

Peristiwa ini menyebabkan Raja Haji marah lalu memulangkan surat-surat perjanjian yang pernah ditandatanganinya dengan Belanda pada tahun 1758. Tindakan Raja Haji menimbulkan kemarahan Gabenor Belanda. Oleh itu mengarahkan ketua tentera lautnya, Peter Jacob van Braam menyerang Riau. Angkatan tentera laut Belanda diketuai oleh Toger Abo menyerang Riau pada 4 Jun 1782. Namun begitu serangan ini berakhir dan tentera Belanda berundur apabila sebuah kapalnya, *Malakka's Welvaren* meletup.

Pada bulan Jun 1784, angkatan perang Johor yang diketuai oleh Raja Haji bersama dengan sultan Selangor, Sultan Ibrahim (yang juga merupakan anak saudaranya) memerangi Belanda di Melaka. Kejadian ini menyebabkan kematian Raja Haji di Teluk Ketapang pada 18 Jun 1784 (10 Syaaban 1198). Selepas kematian Raja Haji, Sultan Mahmud melantik Raja Ali sebagai YDPM kelima. Kemudian pada 29 Oktober 1784 (18 Ramadhan 1291), Belanda pula menyerang Riau. Oleh itu YDPM Raja Ali dan pengikut-pengikutnya berundur ke Sukadana, Kalimantan.<sup>64</sup> Sultan Mahmud menyerah kalah dan pada 10 November 1784 (26 Zulhijjah 1198) perjanjian ditandatangani antara Belanda dengan Sultan Mahmud. Di antara isi perjanjian tersebut adalah; Sultan Mahmud dan pembesar-pembesarnya mengakui bahawa Riau dan pelabuhannya telah diambil alih oleh Belanda, kerajaan Johor masih bebas diperintah oleh kuasa Melayu namun di bawah kawalan dan perintah Belanda dengan syarat-syarat tertentu, semua perjanjian yang pernah ditandatangani antara pembesar-pembesar Melayu Johor dan Bugis adalah terbatal serta merta dan beberapa perkara lain.<sup>65</sup>

Belanda telah menetapkan bahawa kerajaan Johor tidak akan lagi mewujudkan jawatan YDPM. Orang Bugis juga tidak lagi berhak untuk menyandang sebarang jawatan dalam pentadbiran. Melalui perjanjian ini juga Belanda telah meletakkan seorang residen di Johor mulai Jun 1785 bernama David Ruhde.<sup>66</sup> Pada awal tahun 1787, Sultan Mahmud menandatangani satu lagi perjanjian dengan Belanda dan kali ini Sultan Mahmud terpaksa

menyerahkan segala pentadbiran pemerintahan Kerajaan Johor kepada Belanda.<sup>67</sup>

Walau bagaimanapun, ekoran semangat kepimpinan yang masih tebal, Sultan Mahmud telah meminta bantuan daripada Raja Tempasuk untuk memerangi Belanda di Riau. Akhirnya pada tahun 1787, Belanda diusir dari Riau. Sementara itu, Sultan Mahmud yang merasakan kedudukannya di Riau sudah tidak selamat telah berpindah dan bersemayam di Lingga. Oleh itu apabila Belanda datang semula untuk menyerang balas ke Riau, mereka mendapati sultan dan pembesar-pembesar Melayu telah tiada dan hanya tinggal pedagang-pedagang Cina. Belanda lantas membikarkan pedagang-pedagang Cina menetap di Riau lalu mereka pulang semula ke Melaka.

Namun pada tahun 1795, British mengambil alih Melaka dan Johor termasuk jajahan-jajahannya daripada tangan Belanda<sup>68</sup> dan British telah bertindak mengiktiraf Sultan Mahmud sebagai raja bagi kerajaan Johor. Keadaan kembali berubah apabila pada tahun 1801, orang Bugis kembali ke Johor dan British tidak memberi sebarang halangan. Raja Ali juga mengisi semula jawatan YDPM.<sup>69</sup> Tidak berapa lama kemudian, Raja Ali telah jatuh sakit lalu meninggal dunia pada tahun 1806 di Pulau Bayan. Raja Ali diganti oleh putera Raja Haji iaitu Raja Jaafar sebagai YDPM keenam pada tahun 1806.

Setelah menduduki takhta hampir 30 tahun, Sultan Mahmud mangkat pada 12 Januari 1812 (18 Zulhijjah 1226). Takhta kerajaan Johor diambil-alih oleh puteranya iaitu Tengku Abdul Rahman. Dalam hal penggantian takhta ini, sekali lagi Bugis memainkan peranan dan pengaruh mereka. Sultan Mahmud meninggalkan dua orang putera iaitu Tengku Husin (Tengku Long) dan Tengku Abdul Rahman. Pelantikan Tengku Abdul Rahman ini dikatakan atas desakan YDPM Raja Jaafar dan pembesar-pembesar Bugis sedangkan dalam masa yang sama, pembesar Melayu telah bermuafakat ingin menabalkan Tengku Husin memandangkan baginda adalah anak yang sulong. Tengku Abdul Rahman sendiri pada asalnya tidak bersetuju dengan pelantikan baginda kerana mengikut adat dan wasiat, kekandanya Tengku Husinlah yang lebih berhak.<sup>70</sup> Oleh kerana waktu itu Tengku Husin berada di Pahang, YDPM Raja Jaafar bertindak mengangkat Tengku Abdul Rahman sebagai sultan bergelar Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah.<sup>71</sup>

Biarpun begitu, berlaku suatu perubahan dalam politik dan pentadbiran Johor apabila Stamford Raffles bertindak menabalkan pula Tengku Husin sebagai raja di Singapura tujuh tahun kemudian. Pelantikan pada tahun 1819 ini berlaku kerana British bercadang untuk mengembangkan perdagangan mereka dengan membuka Singapura tetapi mereka gagal mendapatkan sokongan YDPM Raja Jaafar sebelum ini. Hal yang demikian ini adalah kerana YDPM Raja Jaafar dan Sultan Abdul Rahman telahpun berbaik semula dengan Belanda.<sup>72</sup>

Oleh itu untuk mengukuhkan kedudukan mereka di Singapura, British telah bertindak menabalkan Tengku Husin sebagai sultan Singapura dengan gelaran Sultan Husin Muhammad Syah pada 6 Februari 1819 (21 Rabiul Akhir 1234). Pertabalan ini turut melibatkan sokongan daripada Temenggung Abdul Rahman yang waktu itu menetap di Singapura. Dengan pelantikan ini bermakna, kuasa pemerintahan kerajaan Johor telah terbahagi di antara dua beradik, Sultan Abdul Rahman dan Sultan Husin.

Penglibatan British (Raffles) dalam proses penabalan Tengku Husin ini turut dipertikaikan. *Tuhfat al-Nafis* mendakwa sememangnya Temenggung Abdul Rahman berpaktat dengan Farquhar membawa keluar Tengku Husin dari Pulau Penyengat untuk ditabalkan.<sup>73</sup> Namun begitu, di dalam surat yang dikirim oleh Temenggung Abdul Rahman kepada YDPM Raja Jaafar di Riau mendakwa bahawa beliau tidak terlibat di dalam pakatan tersebut dan terpaksa bersetuju dengan pertabalan Tengku Husin.<sup>74</sup> Demikian juga di dalam surat ditulis oleh Sultan Husin yang dikirim kepada adindanya Sultan Abdul Rahman, baginda mendakwa bahawa pemergian baginda ke Singapura adalah kerana bimbangkan keselamatan puteranya yang berada di sana akibat kemasukan orang British secara beramai-ramai. Menurut baginda, apabila tiba di Singapura, beliau telah ditahan oleh Raffles lalu ditabalkan sebagai Sultan Singapura. Surat Sultan Husin kepada YDPM Raja Jaafar juga menyebut perkara yang sama.<sup>75</sup> Menurut Turnbull, tindakan Sultan Husin dan Temenggung Abdul Rahman menulis surat sedemikian adalah untuk mengelakkan diri mereka daripada dipertanggungjawabkan atas apa yang berlaku.<sup>76</sup>

Adalah tidak mustahil untuk mendakwa bahawa Sultan Husin memang bersetuju ditabalkan di Singapura. Penyingkiran daripada kedudukannya yang berhak pasti menyebabkan baginda berkecil hati dan kerana sebab itu juga baginda membawa diri menetap ke Pulau Penyengat. Justeru itu adalah wajar disebut baginda bersedia menandatangi perjanjian yang berkaitan sekaligus ditabalkan walaupun pertabalan baginda menyebabkan perpecahan kerajaan Johor sendiri. Raffles juga bijak memanipulasi situasi Sultan Husin waktu itu untuk memperolehi persetujuan Sultan Husin supaya ditabalkan.

Sebenarnya pelantikan ini membawa fenomena baru dalam sejarah rantau Melayu terutamanya Johor. Persaingan antara dua kuasa asing, Belanda dan British telah mempengaruhi institusi kesultanan Johor dengan terpecahnya kepada dua kuasa. Perjanjian 1819 memberikan kesan yang besar kepada sejarah kerajaan ini terutamanya memperlihatkan perpecahan empayar Johor tersebut. Keadaan ini juga secara tidak langsung memperlihatkan persaingan di antara dua kuasa iaitu Sultan Abdul Rahman yang disokong oleh YDPM Raja Jaafar dan Belanda sementara Sultan Husin disokong oleh Temenggung Abdul Rahman dan British. Walau bagaimanapun, perkembangan politik tersebut tidak sehingga memusnahkan kesultanan Johor tetapi membuka ruang pengukuhan kuasa baru dalam negeri Johor. Keseluruhananya, dari tahun 1699

hingga 1819, Johor diperintah oleh tujuh orang sultan dari keluarga bendahara dan seketika oleh Raja Kecik. Jadual 3 menunjukkan senarai Sultan Johor antara tahun 1699 hingga tahun 1819.

**Jadual 3: Sultan Johor 1699-1819<sup>77</sup>**

Bil	Sultan Johor	Tempoh Pemerintahan
1	Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV	1699-1718
2	Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah (Raja Kecik Siak)	1718-1722
3	Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah	1722-1761
4	Sultan Abdul Jalil Muazzam Syah (Raja Di Baroh)	1761
5	Sultan Ahmad Riayat Syah	1760/61
6	Sultan Mahmud Syah II	1761-1812
7	Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah	1812-1819
8	Sultan Husin Syah	1819-1835

Dari segi pentadbiran kerajaan selepas tahun 1722, di dalam *Tuhfat al-Nafis* menggambarkan YDPM sangat berperanan sebagai penasihat sultan. Situasi ini membayangkan seolah-olah bendahara dan YDPM mempunyai fungsi yang sama dan sama tarafnya. Selain YDPM, *Tuhfat al-Nafis* juga menyebut tentang jawatan Raja Tua yang lahir serentak bersama jawatan YDPM. Menurut *Tuhfat al-Nafis*,

Kemudian tiada berapa antaranya maka Daeng Menampuk pun digelar oleh Yang Di Pertuan Muda serta baginda Sultan Sulaiman Raja Tua, yakni yang memerintahkan pekerjaan di bawah perintah Yang Di Pertuan Muda. Dan jangan salahlah faham bukannya Sultan Tua atau Yang Di Pertuan Tua, kerana adalah yang bernama sultan itu, Yang Di Pertuan Besar. Yang Di Pertuan Muda itu bergelar Sultan Alauddin Syah bin Opu, seperti tersebut mohor capnya itu ... Maka tetaplah baginda Sultan Sulaiman menjadi Yang Di Pertuan Besar, Kelana Jaya Putera menjadi Yang Di Pertuan Muda, demikianlah halnya.<sup>78</sup>

Di dalam *Peringatan Sejarah Negeri Johor* turut dinyatakan kewujudan jawatan Raja Tua. Daeng Menampuk adalah Raja Tua yang pertama dan turut digelar Sultan Ibrahim. Raja Tua juga antara jawatan penting dalam kerajaan Johor. Misalnya dikatakan bahawa ketika Raja Pagaruyung menghantar surat kepada kerajaan Johor pada tahun 1724, surat-surat ini bukan sahaja dihantar kepada Sultan Sulaiman dan YDPM Daeng Marewah malah juga kepada Raja

### Tua Daeng Menampuk.<sup>79</sup>

Selain itu, Raja Tua turut menjadi sebahagian daripada tonggak angkatan perang Johor. Misalnya *Tuhfat al-Nafis* menyebut, "... mangkatlah Raja Tua Daeng Menampuk maka dukacitalah YDPM sebab kehilangan orang yang diharapkan jadi kakitangan pada pekerjaan peperangan dan lainnya."<sup>80</sup> Menurut *Tuhfat al-Nafis* lagi, Raja Tua yang pertama meninggal dunia pada tahun 1735 (1147H). Hanya tiga tahun kemudian barulah jawatan Raja Tua ini diisi semula oleh Tun Abdullah. Namun pada tahun 1739 (1152H), Raja Tua ini telah kembali ke rahmatullah.<sup>81</sup> *Tuhfat al-Nafis* tidak pula menyebut siapa pengganti Raja Tua ini dan bila pengantinnya dilantik.

Pada abad ke-18, boleh dirumuskan terdapat lapan orang menteri atau pembesar-pembesar kerajaan tertinggi. Empat daripada menteri ini adalah mereka yang berketurunan Melayu iaitu bendahara (menetap di Pahang), temenggung (menetap di Johor atau Singapura), Raja Inderabongsu (sama fungsinya dengan penghulu bendahari) dan laksamana. Empat pembesar yang lain adalah terdiri daripada keluarga Bugis iaitu YDPM (menetap di Pulau Penyengat), Raja Tua, Datuk Suliwatang dan Datuk Penggawa.<sup>82</sup> Hal ini menunjukkan sehingga abad ke-18 kerajaan Johor masih mewarisi sistem daripada pentadbiran Melaka namun telah membuat pembahagian tanggung jawab yang setara antara suku Melayu dan suku Bugis. Kemasukan pengaruh Bugis memperlihatkan era baru penguasaan politik dan pentadbiran kerajaan Johor tetapi tidak bermaksud berlaku keruntuhan kesultannya. Keupayaan dan strategi Johor dalam menangani cabaran serta konflik yang berlaku, sebenarnya memberi kelebihan kepada institusi kesultannya untuk bertahan dan kekal di alam Melayu.

## Kesimpulan

Hasil kajian mendapati secara keseluruhan, perkembangan politik dan pentadbiran kerajaan Johor sejak tahun 1528 sehingga akhir abad ke-18 mengalami situasi turun dan naiknya. Walau bagaimanapun, institusi kesultanan Johor dalam tempoh tiga abad yang dikaji tersebut tetap bertahan sebagai simbol kuasa Melayu. Kedudukan 'sultan' masih kekal sebagai tonggak kuasa Melayu walaupun mengalami beberapa kali konflik ketakhtaan dan berubah dinasti. Selanjutnya, kesultanan Johor masih tetap menjadi antara kuasa yang berpengaruh di alam Melayu sehingga abad ke-18 walaupun menghadapi persaingan dengan Aceh, Jambi, Portugis, Belanda dan beberapa pihak yang lain. Kemasukan pengaruh Bugis dan pelbagai cabaran baru pada abad ke-18 telah dapat ditangani oleh kerajaan Johor. Hal ini terbukti dengan sistem politik dan pentadbiran yang tersusun serta hubungan diplomatik yang terancang. Akhirnya kesultanan Johor tetap dapat kekal sebagai sebuah kuasa Melayu pada tiga abad tersebut malahan bertahan pada abad-abad berikutnya.

## Nota Akhir

1. Hussain Mohamed, “Manifestasi Kosmologi Dalam Bidang Politik: dengan Rujukan ke Atas Politik Melayu”, Seminar Kosmologi Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 24-26 Jun 1993, hlm. 9.
2. Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor (1835-1885)*, Kuala Lumpur, Yayasan Penataran Ilmu, 1997.
3. Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855-1917, Pentadbiran dan Perkembangannya*, Petaling Jaya, Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1988.
4. L. Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
5. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971.
6. J. Kathirithamby-Wells, “The Johor Malay World, 1511-1784: The Ideology of Kingship in the Context of Change”, *Jurnal Sejarah*, Vol. 1, No. 1, 1988, hlm. 35-62.
7. Khasnor Johan, “The Johor-Riau Empire in the 18<sup>th</sup> Century”, dalam *Glimpses of Malaysian History*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, hlm. 39-43.
8. R. O. Winstedt, *A History of Johore 1365-1895*, MBRAS Reprint, 1992.
9. Abdullah Zakaria Ghazali, “Johor dan Kepulauan Riau: Berlainan Negara Tetapi Bersaudara”, *Malaysia dari Segi Sejarah*, Vol. 39, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 82-90.
10. Mardiana Nordin, “Naskhah Melayu sebagai Pembuktian Ikatan Kekeluargaan Merentas Lautan”, dalam Mohammad Redzuan Othman, Md Sidin Ahmad Ishak, Mardiana Nordin dan Abu Hanifah Haris, eds., *Malaysia Indonesia Romantika Hubungan Bangsa Serumpun*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013, hlm. 177-192.
11. Abdullah Zakaria Ghazali, “Kerajaan Johor, 1721-1824: Meneliti Penglibatan dan Peranan Bugis- Makassar”, *Malaysia dari Segi Sejarah*, Vol. 37, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 2009, hlm. 31-70.
12. Dedi Zuraidi, “Melayu Bugis in the Political History of Johor-Riau and Riau-Lingga Kingdoms”, dalam Prosiding Seminar Internasional Multikultural dan Globalisasi, 2012, hlm. 106-124.
13. Alwi Daud, ‘Peranan Opu Bugis Lima Bersaudara di Negeri-negeri Melayu pada Abad Ke-18: Kajian Berdasarkan Teks *Silsilah Melayu dan Bugis, Hikayat Upu Daeng Menambun* dan *Hikayat Negeri Johor*’, tesis M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017.
14. Haryati Hassan, “Peranan Bugis dalam Kerajaan Johor-Riau pada Abad Ke-18” dalam Abdul Latiff Abu Bakar, penyelenggara, *Warisan Bugis di Rumpun Melayu*, Tanjung Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014, hlm. 51-70.

15. A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm. 293-303.
16. Kamarudin Ab. Razak, *Peninggalan Sejarah di Pesisiran Sungai Johor*, Johor Bahru, Yayasan Warisan Johor, 1998, hlm. 84.
17. *Tuhfat al-Nafis* ada menyebut tentang Sultan Muzaffar yang membuat kubu di Seluyut. Lihat, *Tuhfat al-Nafis, Naskhah Terengganu*, Shaharil Talib, penyelenggara, Ipoh, The House of Teuku Ismail Sdn. Bhd., 1991, hlm. 7.
18. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 25.
19. Menurut *Sulalatus Salatin*, sebaik sahaja Raja Fatimah disahkan hamil, Raja Omar terus menjadi benci kepada isteri pertamanya itu (puteri Seri Nara Diraja Pahang). Beliau lalu diceraikan dan wanita itu lalu tinggal bersama dengan keluarga Seri Nara Diraja Johor (kerana kedua-dua Seri Nara Diraja ini bersaudara). Suatu hari apabila Sultan Muzaffar ternampakkan wanita ini di rumah Seri Nara Diraja, maka baginda pun jatuh hati lalu mengahwininya. Namun baginda merahsiakan perkahwinan tersebut kerana malukan kepada iparnya Raja Omar itu. Lihat, A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, hlm. 304-305.
20. A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, hlm. 307.
21. Abdullah Zakaria Ghazali, “Pengasas dan Kesultanan Johor”, Kertas Kerja Majlis Polemik Sejarah Malaysia, Sesi 14, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 18 April 1999, hlm. 2.
22. A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, hlm. 308. Lihat juga, Shaharom Husain, *Sejarah Johor: Kaitannya dengan Negeri-Negeri Melayu*, Kuala Lumpur, Fajar Bakti, 1995, hlm. 12.
23. A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, hlm. 308-309. Lihat juga, Abdullah Zakaria Ghazali, “Pengasas dan Kesultanan Johor”, hlm. 2.
24. Biarpun begitu, pelantikan ini masih mengekalkan kesultanan Johor itu dari warisan Kesultanan Melaka, cuma baginda dari keluarga Kesultanan Melaka-Pahang.
25. Namun menurut *Sulalatus Salatin*, baginda hanya bersemayam dua tahun di Tanah Putih kerana, “... maka terlalu banyak orang sakit dan mati, kerana Tanah Putih itu sangat keras jembangangnya.” Lihat A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, hlm. 309.
26. Kamarudin Ab. Razak, *Peninggalan Sejarah di Pesisiran Sungai Johor*, hlm. 8. Namun begitu, *Tuhfat al-Nafis* ada mencatatkan bahawa baginda kemudian telah ‘berbuat negeri’ di Makam Tauhid. *Tuhfat al-Nafis, Naskhah Terengganu*, hlm. 8.

27. Penggantian Sultan Abdullah ke atas takhta Johor juga membolehkan takhta kerajaan Johor kembali semula kepada keluarga kesultanan Melaka-Johor yang asal. Lihat Abdullah Zakaria Ghazali, “Pengasas dan Kesultanan Johor”, hlm. 3.
28. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 65.
29. Menurut Buyong Adil, baginda ketika itu baru berusia dua tahun. Lihat, Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 68.
30. Dengan pertabalan Sultan Abdul Jalil Syah III ini, sekali lagi kesultanan Johor dipegang oleh keluarga warisan Melaka-Pahang kerana Raja Bujang adalah putera Sultan Alauddin Riayat Syah II. Pelantikan Raja Bujang juga bermakna Pahang kini tidak mempunyai sultan. Oleh itu, Raja Bujang menganggap baginda adalah sultan Johor-Pahang. Seperkara, selepas pertabalan Sultan Abdul Jalil III ini, Aceh tidak lagi mengganggu politik Johor kerana perubahan dasar pentadbiran Kerajaan Aceh setelah takhta dipegang oleh balu Sultan Iskandar Thani bernama Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Syah.
31. Ernst Ulrich Kratz, penyelenggara, *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, Wiesbaden, Otto Harrassowitz, 1973, hlm. 1.
32. Pengaruh Laksamana Paduka Raja yang sangat besar di dalam kerajaan Johor telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pembesar-pembesar istana yang lain terutama daripada bendahara dan pengikut-pengikutnya. Bendahara ketika itu adalah Bendahara Tun Habib Abdul Majid. Laksamana Paduka Raja Tun Abdul Jamil kemudiannya berjaya disingkirkan dan terpaksa berundur ke Terengganu dan meninggal dunia di sana. Dengan kemangkatan Laksamana ini, kekuasaan istana telah kembali ke tangan bendahara dan pengikut-pengikutnya. Tahun 1697, Bendahara Tun Habib meninggal dunia dan digelar Marhum Padang Saujana. Jawatan beliau diganti oleh puteranya Tun Abdul Jalil bergelar Bendahara Paduka Raja.
33. Lihat *Tuhfat al-Nafis, Naskhah Terengganu*, hlm. 28 dan *Hikayat Johor Serta Pahang*, hlm. 2.
34. Diubahsuai dari, Mardiana Nordin, *Politik Kerajaan Johor; 1718-1862*, Johor Bahru, Yayasan Warisan Johor, 2008, hlm. 14-22.
35. Diubahsuai dari, A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, hlm. 292-311 dan *Tuhfat al-Nafis, Naskhah Terengganu*, hlm. 8-10.
36. L.Y. Andaya, “The Structure of Power in Seventeenth Century Johor”, makalah tidak diterbitkan, hlm. 2.
37. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 72.
38. L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, hlm. 49. Lihat juga, L.Y. Andaya, “The Structure of Power in Seventeenth Century Johor”, hlm. 2
39. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 72.

40. L.Y. Andaya, “The Structur of Power in Seventeenth Century Johor”, hlm. 2.
41. Ibid., hlm. 5. Menurut Andaya, berdasarkan rekod-rekod Belanda, Johor pernah menghantar ketua rombongan utusan tersebut sama ada Laksamana atau Seri Bija Wangsa.
42. L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, hlm. 30.
43. A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, hlm. 303.
44. Ibid., hlm. 304.
45. L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor-Riau 1641 – 1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, hlm. 54.
46. Ibid., hlm. 55.
47. Ibid., hlm. 57. Catatan tentang kewujudan gelaran-gelaran ini di Johor diperoleh oleh Andaya daripada rekod Belanda tahun 1688 yang berdasarkan lawatan seorang Duta Belanda ke Johor pada tahun 1687.
48. L.Y. Andaya, “The Structur of Power in Seventeenth Century Johor”, hlm. 3.
49. Ibid., hlm. 4. Lihat juga, L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641 – 1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, hlm. 58.
50. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 69 dan 71.
51. L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, hlm. 34.
52. Ibid., hlm. 35.
53. Ibid., hlm. 36. Dipetik dari J.E. Heeres, *Bouwstoffen voor de geschiedenis der Nederlands in den Maleischen Archipel*, S'Gravenhage, 1985, hlm. 231.
54. Ibid., hlm. 304.
55. Raja Kecik yang berasal dari Minangkabau mendakwa dirinya sebagai putera kepada Sultan Mahmud Syah. Banyak sumber menyebut ibunya bernama Che Pong, anak Laksamana Johor. Beliau mempunyai hubungan rapat dengan kerabat raja di Pagaruyung. Beliau juga pernah memerintah Pulau Gontong dan menjadi Syahbandar kepada sultan Pagaruyung. Maklumat perihal Raja Kecik, sila lihat; Muhammad Yusoff Hashim, *Hikayat Siak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 86; Abdullah Zakaria Ghazali, “Raja Kechil – Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah 1718-1722: Suatu Kajian Tentang Asal-Usulnya”, *Jurnal Sejarah Melaka*, bilangan 6, 1981, hlm. 48 dan L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, bab 9, yang memberikan asal-usul Raja Kecik menurut tulisan beberapa manuskrip Melayu.
56. L. Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, hlm. 371.

57. *Tuhfat al-Nafis, Naskhah Terengganu*, hlm. 34.
58. Ibid., hlm. 40. Tun Abdul Jalil meninggalkan puteranya yang lahir sebelum baginda menjadi sultan iaitu Tun Hussain di Terengganu untuk menjadi bendahara di sana.
59. Menurut ‘Hikayat Riau’, Sultan Abdul Jalil menetap selama 8 bulan di Terengganu sebelum berpindah ke Kuala Pahang kerana tiada persefahaman dengan pembesar-pembesar di Terengganu ‘Hikayat Riau’, Mf. 724.7, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Manakala di dalam ‘Hikayat Raja-Raja Johor’ menyatakan, baginda menetap di Terengganu selama setahun dan berpindah ke Pahang apabila tiada persefahaman dengan Orang-Orang Besar dan hulubalang-hulubalang di Terengganu, ‘Hikayat Raja-Raja Johor’, Mf. 690.4, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 2.
60. *Tuhfat al-Nafis, Naskhah Terengganu*, hlm. 41.
61. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 124.
62. *Tuhfat al-Nafis, Naskhah Terengganu*, hlm. 136.
63. P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1967, hlm. 65-66.
64. Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855-1917, Pentadbiran dan Perkembangannya*, Petaling Jaya, Penerbit Fajar Bakti, 1988, hlm. 5.
65. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 140-142.
66. David Rhude adalah residen Belanda yang ditempatkan di Riau selepas perjanjian di kapal ‘Utrecht’ ditandatangani. Beliau dikatakan mempunyai sikap yang tidak disenangi sultan dan pembesar Melayu. Sikap David Rhude ini jugalah yang menjadi penggalak kepada sultan bertindak mengusir Belanda keluar dari Riau. Lihat; R.O. Winstedt, “History of Johor, 1365-1895”, *JMBRAS*, Volume X, Part 3, Disember 1932, hlm. 66. Lihat juga; Muchtar Lutfi, et. al., *Sejarah Riau*, Pekan Baru, Universitas Riau, 1977, hlm. 40.
67. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 144.
68. Merujuk kepada Perang Napoleen dan Surat-Surat Kew.
69. Sebenarnya pada akhir abad ke-18 iaitu antara tahun 1795-1816, Belanda telah mengalami masalah politik. Oleh itu melalui Surat Kew, Belanda menyerahkan sementara jajahan takluknya kepada British. Keadaan ini juga menyebabkan Belanda tidak dapat mengawasi keadaan di Riau. Peluang ini digunakan oleh YDPM Raja Ali mengumpulkan kekuatan untuk kembali berkuasa di Riau. Beliau yang mendapat sokongan daripada menantu Raja Haji, Ungku Kraing berjaya mengundurkan Ungku Muda Johor ke Pulau Bulang. 1802, Sultan Mahmud mengatur dua perundingan antara kedua-dua pihak ini. Akhirnya pada 21 Disember 1804 Raja Ali dikekalkan sebagai YDPM dengan pusat pentadbiran di Penyengat. Lihat; M.A. Fawzi Basri, *Warisan Sejarah Johor*, Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.

70. Charles B. Buckley, *An Anecdotal History of Old Times in Singapore*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1965, hlm. 23.
71. C.O. 273/416, "Copy of the Treaty of 1855 between the Sultan of Johor and His Highness Tumonggong and for the Correspondence respective Muar since the Death of The Late Sultan Of Johor", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, Enclosure 2, Surat Tengku Alam bin Sultan Alli Iskandar Shah kepada Carnavon, 2 November 1877.
72. Mereka juga telah menandatangani sekaligus memperbarui perjanjian yang pernah ditandatangani sebelum ini, pada 26 November 1818 bersamaan 27 Muharam 1234. Perjanjian ini ditandatangani bersama oleh YDPM Raja Jaafar, Sultan Abdul Rahman dan pegawai Belanda, Admiral Wolterbeek. SSR B5, Surat Gabenor Pulau Pinang, Colonel Bannerman kepada setiausaha Kerajaan di London, 8 Mac 1819.
73. *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 251. Turut diakui oleh Winstedt di dalam, 'Abdul Jalil, Sultan of Johor (1699-1791), Abdu'l Jamal, Temenggung (c. 1750, and Raffles 'Founding of Singapore', *JMBRAS*, vol. XI, part 2, 1933, hlm. 165.
74. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 171.
75. Ibid., hlm. 171-172.
76. C. M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 10.
77. Terdapat seorang lagi raja dari keluarga Bendahara ini iaitu Sultan Ali yang bertakhta sehingga tahun 1855. Selepas itu, takhta Johor diambil alih oleh keluarga temenggung.
78. *Tuhfat al-Nafis, Naskhah Terengganu*, hlm. 50.
79. Ramlah Jaafar, "Kegiatan Bugis di Johor 1718-1824", Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979/80, hlm. 22.
80. *Tuhfat al-Nafis, Naskhah Terengganu*, hlm. 60.
81. Naskhah *Hikayat Raja-Raja Johor* menyebut, Raja Tua Encik Abdullah meninggal dunia pada 13 Muharam tahun itu. Lihat; 'Hikayat Raja-Raja Johor', Mf. 690.4, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 12.
82. P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 286-287.

## Rujukan

- A. Samad Ahmad. 2008. Penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 2011. "Johor dan Kepulauan Riau: Berlainan Negara Tetapi Bersaudara". *Malaysia dari Segi Sejarah*. Vol. 39. Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 2009. "Kerajaan Johor, 1721-1824: Meneliti Penglibatan dan Peranan Bugis- Makassar". *Malaysia dari Segi*

- Sejarah.* Vol. 37. Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 18 April 1999. “Pengasas dan Kesultanan Johor”. *Kertas Kerja Majlis Polemik Sejarah Malaysia. Sesi 14.* Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Abdullah Zakaria Ghazali. “Raja Kechil – Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah 1718-1722: Suatu Kajian Tentang Asal-Usulnya”. *Jurnal Sejarah Melaka.* Bilangan 6, 1981.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1977. *Istana dan Politik Johor (1835-1885)*. Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.
- Ahmad Fawzi Basri. 1988. *Johor 1855-1917. Pemtadbiran dan Perkembangannya*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Alwi Daud. 2017. ‘Peranan Opu Bugis Lima Bersaudara di Negeri-negeri Melayu pada Abad Ke-18: Kajian Berdasarkan Teks *Silsilah Melayu dan Bugis, Hikayat Upu Daeng Menambun* dan *Hikayat Negeri Johor*’. tesis M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Andaya, L. Y. “The Structure of Power in Seventeenth Century Johor”, makalah tidak diterbitkan.
- Andaya, L. Y. 1987. *.Kerajaan Johor 1641-1728, Perkembangan Ekonomi dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Begbie, P. J. 1967. *The Malayan Peninsula*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Buckley, C. B. 1965. *An Anecdotal History of Old Times in Singapore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Buyong Adil. 1971. *Sejarah Joho*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- C.O. 273/416, “Copy of the Treaty of 1855 between the Sultan of Johor and His Highness Tumonggong and for the Correspondence respective Muar since the Death of The Late Sultan Of Johor”, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, Enclosure 2, Surat Tengku Alam bin Sultan Alli Iskandar Shah kepada Carnavon, 2 November 1877.
- Dedi Zuraidi. “Melayu Bugis in the Political History of Johor-Riau and Riau-Lingga Kingdoms”. dalam Prosiding Seminar Internasional Multikultural dan Globalisasi. 2012.
- Haryati Hassan. “Peranan Bugis dalam Kerajaan Johor-Riau pada Abad ke-18” dalam Abdul Latiff Abu Bakar. Penyelenggara, *Warisan Bugis di Rumpun Melayu*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2014.
- ‘Hikayat Johor Serta Pahang’. Arkib Negara Negeri Johor.
- ‘Hikayat Raja-Raja Johor’. Mf. 690.4. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- ‘Hikayat Riau’. Mf. 724.7. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Hussain Mohamed. “Manifestasi Kosmologi Dalam Bidang Politik: Dengan Rujukan Ke Atas Politik Melayu”. Seminar Kosmologi Melayu. Akademi Pengajian Melayu. .Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 24-26 Jun 1993.

- Kamarudin Ab. Razak. 1998. *Peninggalan Sejarah di Pesisiran Sungai Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Khasnor Johan. 1970. "The Johor-Riau Empire in the 18<sup>th</sup> Century". dalam *Glimpses of Malaysian History*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kratz, Ernst Ulrich. 1973. Penyelenggara, *Peringatan Sejarah Negeri Johor*. Wiesbaden: Otto Harrassowitz.
- M.A. Fawzi Basri. 1983. *Warisan Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mardiana Nordin. 2013. "Naskhah Melayu sebagai Pembuktian Ikatan Kekeluargaan Merentas Lautan", dalam Mohammad Redzuan Othman, Md Sidin Ahmad Ishak, Mardiana Nordin dan Abu Hanifah Haris, eds., *Malaysia Indonesia Romantika Hubungan Bangsa Serumpun*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mardiana Nordin. 2008. *Politik Kerajaan Johor, 1718-1862*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Muchtar Lutfi. 1977. et. al., *Sejarah Riau*. Pekan Baru: Universitas Riau.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1992. *Hikayat Siak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Jaafar. "Kegiatan Bugis di Johor 1718-1824". Latihan Ilmiah B.A. Jabatan Sejarah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur. 1979/80.
- Shaharom Husain. 1995. *Sejarah Johor: Kaitannya dengan Negeri-Negeri Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- SSR B5. 8 Mac 1819. Surat Gabenor Pulau Pinang. Colonel Bannerman kepada Setiausaha Kerajaan di London.
- Tuhfat al-Nafis, Naskhah Terengganu*. 1991. Shaharil Talib, penyelenggara, Ipoh: The House of Teuku Ismail Sdn. Bhd.
- Wells, J. Kathirithamby. "The Johor Malay World, 1511-1784: The Ideology of Kingship in the Context of Change", *Jurnal Sejarah*, Vol. 1, No. 1, 1988. hlm. 35-62.
- Winstedt, R. O. "Abdul Jalil, Sultan of Johor (1699-1791). Abdu'l Jamal, Temenggung (c.) 1750. and Raffles 'Founding of Singapore'". *JMBRAS*, Vol. XI, Part 2, 1933.
- Winstedt, R. O. *A History of Johore 1365-1895*. MBRAS Reprint. 1992.
- Winstedt, R.O. "History of Johor, 1365-1895", *JMBRAS*. Vol. X, Part 3. Disember 1932.

## Nota Biografi

Mardiana Nordin (PhD) (mardiana@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Bidang kepakaran adalah Historiografi Melayu, dan Sejarah Kesultanan dan Negeri-Negeri Melayu.

## **Penghargaan**

Makalah ini dihasilkan dari kajian melalui Geran Penyelidikan Fakulti oleh Universiti Malaya, GPF018J-2018.